

16/01/1997

Kelebihan kelas satu sesi

Abu Hassan Adam

DR MAHATHIR menganggap syarikat dan organisasi tempatan perlu ditingkatkan ke taraf dunia kerana, "... sebagai negara dagangan, Malaysia terpaksa menghadapi saingan sepanjang masa dan daripada pelbagai sudut. Kerana itu organisasi di negara ini perlu berupaya menghasilkan produk dan perkhidmatan bermutu tinggi serta diterima masyarakat antarabangsa." (BH, 7 Januari 1997).

Dalam lapangan pendidikan juga disarankan taraf pendidikan negara seharusnya bertaraf dunia. Lantaran itu satu reformasi yang agak drastik perlu bagi meningkatkan tahap pencapaian kita dalam bidang pendidikan setaraf dengan negara lain yang maju. Pemimpin negara sedang bercakap mengenai taraf dunia dan kita juga sedang berusaha ke arah itu.

Keraguan mengenai perjalanan kelas satu sesi pasti akan timbul daripada kalangan rakyat, apatah lagi jika disogokkan dengan hujah negatif mengenai isu berkaitan. Tetapi hakikat yang perlu difikirkan ialah apa saja yang dilakukan negara kini adalah di atas landasan perubahan. Entah berapa banyak perubahan dalam sistem pendidikan negara yang berlaku sejak awal kurun ke-20 - dari sistem sekolah pondok sehinggalah kedatangan penjajah Barat, pengenalan Laporan Razak, Rahman Talib, Jawatankuasa Kabinet dan seterusnya. Sistem pendidikan negara tentu tidak akan maju jika tidak ada perubahan untuk menyesuaikan keadaan zaman.

Membincangkan kelas satu sesi memerlukan pendekatan berbeza. Ia memerlukan anjakan paradigma yang memisahkan cara pemikiran lama dengan yang baru. ED Hirsch JR, seorang pengarang yang pernah menulis buku Cultural Literacy memberikan satu pandangan yang jelas mengenai pendidikan masa hadapan dalam bukunya yang baru berjudul, The Schools We Need.

Katanya: "A child's mind is hungry for knowledge, stimulation, the excitement of learning. A child's school should provide these things. Mainstream research has shown that if children - all children, not just the privileged are taught in ways that emphasise hard work, the learning of facts and rigorous testing, their enthusiasm for schools will grow, their test scores will rise, and they will become successful citizens in the information-age civilization". (ED, Hirsch JR, The Schools We Need USA, 1996).

Pendek kata, untuk memudahkan kita menangani isu satu sesi ini dicadangkan kita merenung kembali zaman Dr Mahathir mula mengajak rakyat memikirkan hasratnya mengubah waktu Malaysia satu jam terkebelakang, ataupun ketika beliau mengajak kita untuk Memandang Ke Timur dan memperkenalkan konsep 'Buy British Last' atau untuk lebih meyakinkan ialah merenung keadaan apabila idea untuk membina Proton Saga mula diperkenalkan.

Masyarakat walau dari negara mana dan bangsa apapun memang susah untuk menerima perubahan selagi perubahan itu belum berada di depan mata mereka. Columbus mengambil masa yang agak panjang untuk meyakinkan sahabatnya bahawa dunia ini bulat dan bukannya rata seperti yang mereka fahami. Begitu juga jerih payah Dr Mahathir untuk meyakinkan rakyat bahawa kita perlu memulakan pembuatan kereta sendiri kerana jika tidak ada usaha awal dimulakan maka tidak akan ada hasil yang lengkap. Sebagai buktinya kini Proton Saga bukan saja sudah meluncur di jalan raya Malaysia tetapi di jalan raya utama M1 dan M25 di England.

Dengan demikian pendekatan kita melihat hasrat kerajaan untuk melaksanakan sekolah satu sesi ini pun harus melalui kaca mata berbeza.

Guru terutamanya, harus melihat perubahan ini sebagai sesuatu yang positif, boleh menukar cara berfikir guru dan justeru akan meletakkan guru sebagai profesional dalam erti kata sebenarnya.

Ivan Elich dalam bukunya *Deschooling Society* memberikan gambaran yang cukup berbeza dengan manusia biasa mengenai sekolah dan pendidikan. Sebagai contoh, rata-rata kita menyatakan sekolah itu ialah bangunan sekolah dan apabila dikatakan bahawa kita ke sekolah bererti bahawa kita pergi ke bangunan sekolah dan belajar di situ (sekolah). Apakah betul persepsi begini. Sekolah sebenarnya bukan bangunan. Jika sekolah itu bangunan maka tentu tidak timbul konsep persekolahan.

Pernah dijalankan satu percubaan di Filipina iaitu di Sapang Palay. Dalam sebuah kelas darjah satu menepatkan 100 murid dan diajar oleh hanya seorang guru. Dengan menggunakan kaedah yang amat inovatif, dalam jangka masa yang agak singkat 90 peratus pelajar boleh membaca. Tentulah tidak masuk akal apabila seorang guru terpaksa mengajar 100 orang murid. Dan bangunan tempat mereka belajar itu hanyalah sebuah kandang yang dilengkapi dengan meja dan kerusi yang tidak lagi pernah terlihat di sekolah di Malaysia.

Ketika itu (1980) Filipina mengalami kekurangan bangunan sekolah, kekurangan guru dan perbelanjaan kerajaan terhadap pendidikan amat terhad. Tetapi persoalannya ialah anak-anak perlu mendapat pendidikan. Di sinilah letaknya kesediaan masyarakat yang terpaksa membuat perubahan dengan menggunakan sumber yang sedia ada. Kunci kemajuan rakyat Filipina ketika itu ialah perubahan dan pemikiran inovatif.

Lantaran itu, rakyat Malaysia juga harus sanggup membuat perubahan ini, bukan kerana kita tidak cukup belanja untuk menyediakan guru atau tidak ada wang untuk membina sekolah tetapi kita sedang mengorak langkah untuk meneroka dunia. Kita sedang merealisasikan Wawasan 2020 yang memerlukan tenaga manusia yang mahir bertaraf dunia bagi mewujudkan sebuah negara maju sesuai dengan keadaan kurun ke-21. Kita sudah cukup sedar bahawa pendidikan adalah satu alat yang cukup penting bagi tujuan kita mengangkat martabat bangsa.

Sekolah satu sesi bukan satu perkara baru di Great Britian dan di Amerika Syarikat atau di negara maju lain. Tetapi mungkin juga apabila mula diperkenalkan dulu, pihak berkuasa juga mendapat tentangan hebat. Kini ia sudah satu kebiasaan dan guru juga tidak menyatakan sungutan mengenai keadaan itu. Ini mungkin disebabkan mereka sudah dapat menyesuaikan diri dengan cara pendekatan dan perjalanan kelas satu sesi itu sendiri.

Guru tentu runsing jika mereka memikirkan bahawa cara mendidik anak-anak dalam kelas satu sesi serupa dengan yang mereka lakukan sekarang. Digunakan perkataan mendidik dan mengajar kerana di situlah letaknya perbezaan di antara kelas satu sesi dengan kelas yang ada sekarang. Dalam kelas satu sesi sebagaimana yang dapat dilihat di Barat (contohnya di Palo Alto -Standford, California dan di Hendon Preparatory School, Hendon London) guru nampaknya begitu relaks dan berfungsi sebagai pendidik, pembimbing dan rakan yang setia.

Apa yang difahamkan dalam kelas satu sesi ialah guru tidak akan terus-menerus tujuh atau lapan jam (8.30 - 4.00) bergelumang dengan kapur dan papan hitam seperti yang dilakukan dalam kelas kini. Ada kemungkinan jumlah masa penggunaan kapur dan papan hitam bagi satu hari mungkin tidak sampai satu jam. Ini bermakna pendidik hanya memerlukan kepakaran untuk menjalankan pelbagai kegiatan yang berunsur pendidikan yang boleh memberikan pendidikan yang wajar kepada anak-anak.

Untuk memperincikan apakah sebenarnya kelas satu sesi tentulah memakan halaman yang banyak. Namun cukup sekadar dikatakan bahawa pendidik harus menukar cara berfikir dan melihat secara objektif pelaksanaan kelas satu

sesi ini. Secara umumnya:

Pendidik harus lebih banyak berfikir mengenai cara bagaimana ia harus menjalankan tugasnya sebagai pendidik agar pelajaran yang diajarnya nanti menarik dan menyeronokkan di samping dapat memberikan pendidikan sebanyak mungkin kepada anak-anak;

Pengajaran tidak lagi menjadi mengajar tetap tetapi kepada kegiatan mendidik, membimbing, menasihati;

Pentadbir pendidikan (guru besar/pengetua, pentadbir pendidikan peringkat daerah/negeri, pentadbir peringkat kementerian pendidikan) harus sedar dan faham sebenarnya tugas dan fungsi pendidik dalam mengendalikan kelas satu sesi. Ada pentadbir yang tidak mahu menghargai sumbangan dan daya kreatif yang dilakukan oleh setengah guru di sekolah. Ini juga boleh membantutkan perkembangan kreativiti guru;

Ada juga pentadbir pendidikan di peringkat Kementerian Pendidikan dan pembantu tadbir pendidikan di peringkat negeri adalah pegawai yang tidak pernah menjadi guru. Lantas ada antaranya yang tidak faham dengan tugas dan fungsi seorang guru. Dengan itu ada percanggahan dalam usaha menjalankan sesuatu tindakan apatah lagi apabila terdapat seorang pegawai itu yang melihat pentadbiran sekolah itu sebagai pentadbiran sebuah pejabat daerah. Dan perkara ini harus diperbetulkan segera.

Ada kemungkinannya dengan berjaya kerajaan melaksanakan kelas satu sesi nanti, kerajaan akan berjaya menangani masalah besar yang sedang dihadapi negara kini. Dan kelas satu sesi inilah satu formula dan ubat paling mujarab untuk mengubat penyakit itu. Antaranya:

Kelas satu sesi akan memantapkan penerapan nilai Islam di kalangan pelajar. Keadaan ini dapat diperkukuhkan apabila sesebuah sekolah dapat mengadakan dua kali solat berjemaah (zuhur dan Asar) secara berstruktur dan dimasukkan dalam jadual waktu. Perkembangan ini satu reformasi yang tidak pernah berlaku dan dilakukan oleh mana-mana negara Islam di dunia ini.

Kelas satu sesi akan mengurangkan masalah lepak di kalangan remaja. Ini dapat dilakukan apabila banyak masa pelajar dihabiskan di sekolah dengan menjalankan kegiatan yang berguna berbanding keadaan kini pelajar sudah berada di padang luas selepas jam 1.30 petang dan bebas untuk melakukan apa saja tanpa sebarang pengawalan.

Amat diyakini kelas satu sesi lebih banyak membawa manfaat kepada rakyat jika dilihat melalui kaca mata pemikiran yang objektif, positif, dan berpandangan jauh sesuai dengan hasrat kepemimpinan negara yang mahu mengangkat martabat bangsa dalam jangkamasa yang amat singkat. Akan diketemukan juga dengan pelbagai masalah dan karenah tetapi sekali lagi dinyatakan bahawa amat diyakini segala-galanya dapat diatasi, terutama dengan kemampuan dan potensi yang kita miliki kini.

(END)